

**B. H. 17 MAR 1972** ALOR SETAR, Khamis.  
**B**EKAS ahli Parlimen Perikatan bagi Kota Setar Selatan, Dr. Mahathir bin Mohamed, yang baru2 ini di-terima sa-mula memasoki UMNO berkata hari ini bahawa walau pun beliau berminat untuk menyumbangkan peranan-nya dalam UMNO Kedah, tetapi beliau tidak memikirkan untuk mengambil peranan yang utama.

"Saya lebih suka bebas, untuk menumpukan perhatian kepada masa'alah2 yang lebih bersifat Kebangsaan," beliau memberitahu Berita Harian.

Dr. Mahathir menyatakan demikian ketika mengulas berita beberapa buah chawangan UMNO di-Kedah di-jangka akan menchalunkan-nya untuk memegang "satu jawatan penting atau pun untuk mengetuai UMNO Kedah."

Chawangan UMNO Telok Bagán baru2 ini sabulat suara mengambil ketetapan menchalunkan Dr. Mahathir sebagai calon Naib Presiden.

### Meshuarat

Dr. Mahathir berterima kasih kepada chawangan itu kerana kepercayaan terhadap-nya.

Sejak beliau memasoki sa-mula UMNO sa-minggu yang lalu, beliau telah menghadiri dua meshuarat di-Pendang chawangan dalam Bahagian UMNO Kota Setar Selatan.

Beliau telah mengadakan rundingan dengan bekas penyokong2-nya mengenai soal2 parti dan polisi2 dan juga memikirkan peranan UMNO masa hadapan berhubung dengan Kerajaan dan pelaksanaan dasar-nya.

"Kita juga membincangkan masa'alah2 penduduk2 luar bandar di-sebabkan oleh kejatuhan harga getah dan harga padi yang tidak bertambah," kata beliau.

Minggu hadapan, Dr. Mahathir di-jangka beruchap di-Seminar Pemuda UMNO di-Pendang.